

MCA nasihat Teresa Kok mohon maaf
Malaysian Insider
Feb 10, 2014

Timbalan Presiden MCA, Datuk Wee Ka Siong menasihati Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok supaya memohon maaf berhubung penerbitan klip video 'Onederful Malaysia CNY 2014' yang dikaitkan dengan Kok.

Beliau berkata, Kok harus bersikap lebih sensitif dan matang dalam membicarakan sesuatu mesej di khalayak umum sebagaimana budaya masyarakat Cina.

"Kalau orang Islam boleh bermaaf-maafan pada perayaan Aidilfitri, kita orang Cina patut melafazkan kata-kata yang akan membawa tuah kepada orang lain. Itu adalah sebahagian sedekah kepada orang lain.

"Kita tidak mahu orang anggap budaya Cina yang memaki hamun dan mempersenda orang ketika perayaan. Itu bukan budaya kita (Cina) yang seharusnya melakukan perkara demi kebaikan semua orang dan tidak merosakkan hati orang lain," katanya di Kota Kinabalu, malam tadi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis makan malam Tahun Baru Cina anjuran MCA Sabah yang turut dihadiri Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Klip video yang tersebar luas melalui YouTube itu memaparkan Kok selaku pengacara dan tetamu undangan satu majlis mengeluarkan kenyataan menyindir kerajaan dan beberapa perkara lain seperti isu keselamatan di Sabah.

Sementara itu, Wee meminta pihak berkuasa mengambil tindakan adil ke atas pihak yang membuat laporan polis berhubung isu klip video itu termasuk oleh Kok sendiri.

Beliau berkata, polis perlu menjalankan siasatan dan menentukan tindakan mengikut

undang-undang selepas siasatan lengkap dilakukan.

"Saya terkilan kalau ada laporan oleh mana-mana pihak, polis harus siasat tidak kira laporan terhadap Kok atau daripada Kok sendiri. Komen tidak payah siasat itu adalah andaian pilih kasih," katanya.

Sementara itu, katanya MCA berpendirian bahawa tawaran beserta ganjaran untuk 'menampar' Kok berhubung video itu tidak menepati budaya dan melampaui batas rakyat yang berfikiran rasional di negara ini. - Bernama, 10 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-nasihat-teresa-kok-mohon-maaf>